Pilih pasangan yang betul bagi peranan Bahasa Kebangsaan di bawah ini.

Lambang Jati Diri	Bahasa Persuratan	Asas Pembinaan Negara Bangsa	Bahasa Undang-Undang
Bahasa Pentadbiran	Bahasa Perhubungan	Bahasa Ekonomi	Bahasa Pendidikan

Bahasa kebangsaan berperanan sebagai lambang negara Malaysia di persada dunia dan perakuan jati diri rakyat Malaysia.

Bahasa kebangsaan merupakan bahasa pengantar dan penyampaian maklumat dalam sistem pendidikan negara kita.

Bahasa kebangsaan merupakan Bahasa komunikasi antara masyarakat berbilang kaum di negara kita dan peringkat serantau.

Bahasa kebangsaan digunakan dalam kegiatan ekonomi di negara kita.

Bahasa kebangsaan digunakan dalam karya persuratan. Contohnya, pantun, syair dan novel.

Bahasa kebangsaan digunakan dalam urusan rasmi di mahkamah.

Bahasa kebangsaan digunakan dalam urusan rasmi seperti mesyuarat, kursus, taklimat, bengkel dan surat-menyurat.

Masyarakat berbilang kaum memerlukan satu bahasa yang difahami oleh semua kaum sebagai panduan.

LIVEWORKSHEETS